

PROJEK PEMBANGUNAN PERUMAHAN, PELANCONGAN DAN PUSAT KOMERSIAL DI GENTING PERMAI, BENTONG, PAHANG

Petaling Jaya, 22 Julai 2022 – LBS Bina Group Berhad (“LBS”), melalui anak syarikat subsidiari Casa Inspirasi Sdn Bhd (“Casa Inspirasi”), hari ini memeterai perjanjian untuk cadangan pembangunan tanah di Genting Permai, Bentong, Pahang (“Tanah”), dengan keluasan lebih 300 ekar. Majlis ini diadakan pada hari ini di *DoubleTree by Hilton Hotel Kuala Lumpur*. Majlis diserikan dengan kehadiran Menteri Besar Pahang, Dato’ Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail. Sesi menandatangani perjanjian ini telah dilakukan oleh Dato’ Sri Lim Hock Sing, Pengarah Eksekutif Casa Inspirasi, Dato’ Sri Haji Wan Adnan bin Wan Mamat, Pengarah Casa Inspirasi, sebagai saksi bersama Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Lim Hock San. Pihak Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang diwakili oleh YB Dato’ Sri Dr. Sallehuddin Bin Ishak Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bersama YH Dato’ Razihan bin Adzharuddin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang sebagai saksi.

Terletak strategik di kawasan tarikan pelancongan terkenal seperti Genting Highlands, Genting Premium Outlet, Awana Genting Golf Course dan Gohtong Jaya. LBS merancang untuk membangunkan tanah tersebut sebagai sebuah pembangunan bercampur. Pembangunan yang bakal dibina itu, terdiri daripada pangsapuri servis, rumah teres dua tingkat, rumah bandar, banglo dan institusi pendidikan serta kemudahan awam seperti sekolah dan hospital yang berdekatan. Nilai pembangunan kasar tersebut dijangka lebih daripada RM9 bilion.

Antara produk LBS lain yang terletak di Genting Highlands adalah projek pangsapuri servis Midhills yang dilancarkan pada tahun 2014. Pangsapuri tersebut dilengkapi

dengan kemudahan fasiliti bersesuaian dengan gaya hidup alaf baru, berlatarbelakangkan kehijauan alam semula jadi Genting Highlands. Projek ini meliputi tiga blok bangunan dengan 610 unit telah terjual sepenuhnya.

Di samping projek pembangunan perumahan di Genting, LBS turut melancarkan sebuah hotel iaitu hotel SCAPES. Hotel 10 tingkat baharu itu terdiri daripada 176 bilik, dewan serbaguna, gim, kolam renang, restoran, jakuzi dan kemudahan-kemudahan lain. Melalui pelancarannya pada bulan Februari tahun 2021, hotel SCAPES telah menerima permintaan yang luar biasa daripada pelancong di dalam dan luar negara, kerana lokasi dan tarikan flora dan fauna yang ada disekelilingnya.

Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Lim Hock San berkata, “Latihan korporat ini memberikan kami peluang yang sangat baik untuk meluaskan kepakaran pembangunan hartanah dan pembinaan sekaligus mengukuhkan segmen pembangunan kediaman. Projek pembangunan di Genting Highlands menandakan usaha kami untuk terus mencapai wawasan syarikat dan mengembangkan aktiviti perniagaan kami. Lokasi yang strategik, dan tarikan pelancong dengan trafik pengunjung yang tinggi, kami optimis dengan potensi masa hadapan pembangunan Genting Highlands kami. Kami akan terus berusaha untuk mencari peluang pembangunan baru dan bersiap sedia untuk merebut setiap peluang yang tersedia jika ada yang bersesuaian. Kami percaya tanah ini terletak di lokasi yang strategik dan mampu menjamin pembangunan yang mampan sekaligus menawarkan kemudahan kepada komuniti setempat. Kami akan terus berpegang teguh kepada tiga tunggak utama LBS “Mampu milik” , “Kesalinghubungan” dan “Komuniti” dalam setiap perkara yang kami lakukan.”

- Tamat -

Mengenai LBS Bina Group Berhad

LBS Bina Group Berhad (LBS), pemaju perbandaran terkemuka di peringkat antarabangsa dengan visi untuk membina ruang inspirasi sempurna merupakan penyandang pelbagai anugerah menerusi projek pembangunannya. Dengan mengutamakan pembeli rumah, LBS telah membina dan membentuk landskap negara selama 30 tahun dan terus memenuhi permintaan pasaran bagi rumah berkualiti dan mampu milik.

Kini, dengan bank tanah di seluruh Malaysia, LBS terus meraih kejayaan dan kekal kukuh dengan kejayaan perbandaran seperti Bandar Saujana Putra, KITA @ Cybersouth di Dengkil, LBS Alam Perdana di Bandar Puncak Alam dan lain-lain lagi. Selain daripada pembangunan hartanah, LBS turut terlibat di dalam pengurusan runcit, perhotelan dan pelancongan.

Kejayaan berterusan yang dilakar oleh LBS adalah hasil kepimpinan Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Lim Hock San yang turut dianugerahkan dengan pingat emas sebagai *Property Man of the year by Malaysia Property Award (FIABCI)* pada tahun 2018 yang merupakan Anugerah 'Oscar' dalam industri hartanah. Ketabahan dan kegigihan Tan Sri Lim di dalam mengatasi cabaran industri, serta kepimpinan yang cemerlang dengan pengetahuan ilmu industri hartanah yang unggul di samping nilai integriti dan tanggungjawab menjadi tonggak kepada penerimaan anugerah ini.

Untuk pertanyaan media, hubungi:

Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS

Emel : media@lbs.com.my

Disediakan oleh Imej Jiwa Communications Sdn. Bhd bagi pihak LBS Bina Group Berhad

Ng Shu Wain

Tel: +603 7733 7752

M: +6012 280 6909

Emel: shuwain@imejiwa.com
